

Johor Bahru: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Johor menahan 236 pendatang asing tanpa izin (Pati) pada serbuan di dua pusat hiburan di Stulang Laut, di sini, jam 11.50 malam kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Imigresen Jafri Embok Taha berkata, operasi berakhir jam 2.15

JIM Johor tahan 236 Pati di 2 pusat hiburan

pagi itu hasil maklumat awam dan risikan selama tiga minggu oleh Bahagian Penguatkuasaan JIM Negeri Johor.

Katanya, seramai 473 individu diperiksa pada Op

Kutip berkenaan yang membabitkan 196 warga tempatan dan 277 warga asing.

"Ketika serbuan dilakukan, kami mendapati ada dalam kalangan warga

asing itu cuba melarikan diri, berselindung di sebalik tiang dan bilik-bilik yang terlindung.

"Namun pegawai Imigresen sudah biasa dengan keadaan ini dan semuanya dapat ditahan," katanya pada sidang media selepas operasi berakhir.

Hadir sama, Pengarah Imigresen Negeri Johor

Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus.

Menurut Jafri, kesemua yang ditahan berusia 17 hingga 40 tahun membabitkan 111 wanita dan tiga lelaki warga Thailand, 43 wanita dan 13 lelaki (Vietnam), 23 lelaki (Bangladesh) dan 14 lelaki warga India.

Turut ditahan 10 lelaki

warga Pakistan, tujuh lelaki (Nepal), empat lelaki dan seorang wanita (China), empat wanita (Laos) dan tiga lelaki warga Indonesia.

Kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) kerana tidak memiliki pas atau permit sah dan Seksyen 15(1)(c) akta sama kerana tinggal lebih masa.